November 2026 | Bil 25 | Edisi Konvokesyen 2026

www.unimas.my | ISSN : 1675 - 2651

PERSADA

Community-Driven University for a Sustainable World



Ilmu, akhlak dan erti sebuah kejayaan

UNIMAS melakar nama di persada semikonduktor global

Lonjakan Gemilang UNIMAS: Menjulang Nama di Persada Asia

Mobile App Challenge 8.0: **Memacu bakat digital dan kecemerlangan AI UNIMAS**

UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Lidah Pengarang



Malia Taibi
Pengarah
UNIMAS Publisher

Meraikan Kejayaan, Melangkah ke Masa Depan

Setiap kali tiba musim konvokesyen, kita pasti akan menyaksikan detik istimewa apabila graduan dan ahli keluarga berkongsi kegembiraan meraikan kejayaan yang telah dicapai. Kita melihat wajah-wajah gembira, senyuman penuh bangga dan tidak kurang juga air mata yang mengalir apabila nama graduan diumumkan untuk menerima ijazah masing-masing. Di sebalik setiap kejayaan, ada kisah yang mungkin tidak pernah kita dengar. Ada yang terpaksa berjauhan daripada keluarga, ada yang berdepan kesukaran kewangan, dan ada juga yang hampir berputus asa sebelum akhirnya berjaya menamatkan pengajian. Sebab itulah konvokesyen bukan sekadar meraikan segulung ijazah. Ia adalah penghargaan terhadap segala usaha, pengorbanan dan ketabahan yang membawa seseorang sehingga ke tahap tersebut.

Tahun ini, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) meraikan satu lagi detik bermakna menerusi Majlis Konvokesyen ke-30. Tiga dekad penganjuran konvokesyen tentunya membawa pelbagai kenangan, bukan sahaja kepada graduan, tetapi juga kepada para pensyarah, kakitangan dan seluruh warga universiti yang bersama-sama menyaksikan perjalanan UNIMAS dari tahun ke tahun. Dalam kemeriahan sambutan ini, kita juga mempunyai banyak sebab untuk berbangga dengan pencapaian yang terus dilakar oleh universiti.

Antaranya, UNIMAS berjaya menduduki tangga ke-197 dalam *QS Asia University Rankings 2026*, sekali gus meletakkannya dalam kelompok 200 universiti terbaik di Asia. Pencapaian ini bukan sekadar mengenai kedudukan dalam senarai universiti terbaik. Ia adalah hasil usaha ramai pihak yang selama ini bekerja keras untuk memastikan UNIMAS terus berkembang dan menawarkan pendidikan berkualiti kepada generasi muda. Lebih menggembirakan, mahasiswa UNIMAS juga terus membuktikan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk bersaing dan menyerlah dalam pelbagai bidang.

Tiga mahasiswa Fakulti Kejuruteraan, misalnya, berjaya muncul Juara Keseluruhan *SMD IC Design Competition 2025* menerusi reka bentuk cip semikonduktor berkuasa rendah. Kejayaan ini cukup membanggakan, apatah lagi dalam bidang teknologi yang semakin penting kepada pembangunan industri masa hadapan. Dua lagi mahasiswa turut mengharumkan nama universiti pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa Negara 2026 apabila Muhammad Faiz Farhan Yusnizam menerima Anugerah Khas Menteri Pendidikan Tinggi, manakala Avinash a/l Loganathan dianugerahkan Tokoh Daya Usaha Inovasi Siswa.

Dalam pertandingan *Mobile App Challenge 8.0* pula, pasukan Atlas dan Cupcake Kemas masing-masing muncul juara bagi Kategori Produk dan Kategori Idea. Tidak ketinggalan, enam mahasiswa Program Ukur Bahan berjaya membawa pulang anugerah Emas, Perak dan Gangsa pada persidangan antarabangsa ISCU 2026. Apa yang menarik tentang pencapaian ini ialah bagaimana ilmu yang dipelajari di bilik kuliah dapat diterjemahkan kepada sesuatu yang nyata. Ia juga membuktikan bahawa mahasiswa kita bukan sekadar belajar untuk lulus peperiksaan, tetapi berani mencuba, mengetengahkan idea dan menguji kemampuan sendiri di luar persekitaran kampus.

Dalam kalangan ahli akademik pula, kita turut berbangga dengan pengiktirafan yang diterima Dr. Mohamad Faizuan Mat dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif menerusi karya *The Bin Art Project,* yang meraih pengiktirafan *Highly Commended* pada *International Academy Awards 2026.* Pada masa yang sama, komitmen UNIMAS terhadap kelestarian alam sekitar terus mendapat perhatian apabila universiti dilantik sebagai Naib Pengerusi *Outreach and Partnership* bagi Hab SDG 15: Kehidupan Daratan di bawah inisiatif *United Nations Academic Impact (UNAI)*. Pengiktirafan seperti ini mengingatkan kita bahawa peranan universiti hari ini jauh lebih luas daripada menyediakan pendidikan semata-mata.

Universiti juga mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang kepada masyarakat, menjaga alam sekitar dan mencari penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi oleh komuniti sekeliling. Bagi UNIMAS yang cukup dekat dengan masyarakat Sarawak, tanggungjawab ini mempunyai makna yang tersendiri. Kita dapat melihatnya melalui pelaksanaan 20 projek pembangunan komuniti di Kampung Semera menerusi Program Kampung Angkat MADANI 2025. Daripada pendidikan dan kemudahan asas sehinggalah pembangunan kemahiran serta pemerkasaan ekonomi, program ini menunjukkan bagaimana kepakaran yang ada di universiti boleh dimanfaatkan secara langsung oleh masyarakat. Inilah antara perkara yang wajar terus kita hargai. Ilmu bukan hanya untuk disimpan dalam buku atau dibincangkan di dewan kuliah, tetapi seharusnya memberi manfaat kepada kehidupan orang lain.

Mungkin setiap pencapaian mempunyai cerita yang berbeza, namun semuanya berkongsi satu persamaan, iaitu kejayaan tidak pernah hadir dengan sendirinya. Di belakang setiap kejayaan mahasiswa, ada pensyarah yang membimbing. Di sebalik setiap penyelidikan, ada pasukan yang bekerja tanpa mengenal penat. Dan di sebalik kemajuan sesebuah universiti, ada ramai individu yang memainkan peranan, sama ada di hadapan mahupun di belakang tabir.

Kepada semua graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen ke-30 UNIMAS, setinggi-tinggi tahniah diucapkan. Apa pun pilihan anda, semoga segala ilmu, pengalaman dan persahabatan yang terjalin sepanjang berada di UNIMAS menjadi bekalan berharga untuk melangkah ke hadapan. Akhirnya, kejayaan sebenar bukan hanya diukur melalui sejauh mana kita melangkah, tetapi juga melalui manfaat yang mampu kita berikan kepada orang lain sepanjang perjalanan tersebut.

Malia Taibi
Editor

Isi Kandungan

2 **UNIMAS melakar nama di persada semikonduktor global**

3 **Lonjakan Gemilang UNIMAS: Menjulang Nama di Persada Asia**

4 ***Mobile App Challenge 8.0:* Memacu bakat digital dan kecemerlangan AI UNIMAS**

5 **SAKAT 2026: UNIMAS Jadi Tuan Rumah Himpunan Sasterawan Serantau, Bincang Realiti AI dan Kemanusiaan**

6 **Ilmu, akhlak dan erti sebuah kejayaan**

8 **Kejayaan gemilang warga UNIMAS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**

10 **UNIMAS Menerajui Gerakan Kelestarian di Pentas Dunia**

11 **Merintis perubahan, memacu kesejahteraan: Jalinan sinergi UNIMAS dan Kampung Semera**

12 **Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030 Memacu Graduan Sebagai *NextGen Changemakers***

PERSADA
Edisi Istimewa
Konvokesyen

Editorial

Penasihat
Profesor Ir Dr Siti Noor Linda Taib

Editor
Malia Taibi
Dayangku Zyzy Cemylya Awang Rahmat
Yulhardy Budiman

Pereka Grafik
Haidher Ahmad

Jurufoto
Azlandy Mohammid Ali Tuah
Mohd Fahmi Izuddin Ahmad Joyo
Fitzpatrick Anak Ricky Guing

Edaran
UNIMAS Publisher

Terbitan
UNIMAS Publisher

www.instagram.com/unimasofficial_instagram
www.facebook.com/unimasofficial
x.com/unimasofficial



UNIMAS *melakar nama di persada* semikonduktor global

Di sebalik kepesatan teknologi moden hari ini, teras yang menghidupkan pelbagai peranti pintar dan sistem automasi terletak pada sekeping cip silikon yang kecil. Namun, di sebalik saiznya yang kerdil, tersembunyi proses penciptaan yang menuntut ketelitian tinggi, kesabaran luar biasa, dan kepakaran kejuruteraan yang mendalam. Hakikat ini dibuktikan dengan megah oleh tiga mahasiswa daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) apabila mereka merangkul gelaran Juara Keseluruhan dalam *SMD IC Design Competition 2025* (ICDC25).

Kejayaan gemilang ini adalah hasil karya tiga mahasiswa tahun akhir daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan UNIMAS iaitu Martin Kennedy Wan Alexander Taylor, Mohamad Iszuanessrol Nasir, dan Emmanuel Jawin Jerry Tanny.

Pertandingan berprestij yang dianjurkan oleh SMD Sarawak Sdn. Bhd. ini bukan sekadar medan menguji minda, malah menjadi penanda aras keupayaan bakat tempatan dalam meneroka bidang reka bentuk litar bersepadu (*Integrated Circuit* atau IC). Menariknya, kejayaan membawa pulang hadiah utama berupa wang tunai RM20,000 berserta trofi ini membuktikan bahawa mahasiswa anak didik UNIMAS mampu berdiri sebaris dengan minda-minda hebat industri teknologi tinggi.

Pembangunan inovasi reka bentuk *Low Power Operational Amplifier* (Op-Amp) ini bukanlah projek jangka pendek, sebaliknya mengambil masa selama setahun dua bulan untuk disiapkan. Di bawah bimbingan rapi pensyarah yang juga penasihat pasukan, Dr. Dayang Nur Salmi Dharmiza Awang Salleh, setiap fasa pembangunan dilaksanakan dengan penuh disiplin dan teliti. Projek ini melibatkan keseluruhan proses kejuruteraan litar bersepadu (IC) yang kompleks, bermula daripada penyediaan skema reka bentuk litar *Op-Amp*, diikuti reka bentuk susun atur (*layout design*), proses *tape-out*, sehinggalah ke peringkat akhir pembungkusan cip (*chip packaging*).


Kesabaran dan usaha gigih pasukan ini akhirnya membuahkan hasil apabila mereka berjaya menghasilkan cip fizikal yang kemudiannya diintegrasikan secara langsung ke dalam prototaip *Arduino Based Temperature Monitoring System*.

Kejayaan ini mencerminkan semangat dan komitmen pasukan yang berpegang teguh pada falsafah perjuangan yang menjadi panduan sepanjang pelaksanaan projek iaitu *"Daripada litar kepada cip, daripada cip kepada aplikasi."*

Ungkapan ini menggambarkan perjalanan pembangunan inovasi tersebut, daripada teori dan simulasi reka bentuk litar kepada penghasilan cip silikon fizikal yang akhirnya dapat diaplikasikan dalam sistem sebenar. Inovasi litar berkuasa rendah (*low-power*) yang dihasilkan ini bukan sahaja memenuhi piawaian industri, malah menawarkan solusi hijau dan cekap tenaga, selaras dengan keperluan teknologi masa kini.

Pencapaian luar biasa ini turut mendapat pengiktirafan tertinggi apabila majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Openg. Kehadiran pemimpin negeri dalam majlis tersebut turut mencerminkan kepentingan pembangunan teknologi semikonduktor sebagai salah satu bidang strategik dalam pelan transformasi digital Sarawak ke arah ekonomi bernilai tinggi.

Kejayaan Martin, Iszuanessrol dan Emmanuel bukan sahaja membuktikan kecemerlangan akademik Fakulti Kejuruteraan UNIMAS, malah menjadi inspirasi kepada seluruh warga kampus bahawa inovasi yang bermula di makmal universiti mampu berkembang menjadi pencapaian yang membanggakan. Kejayaan ini turut mengharumkan nama UNIMAS dalam bidang inovasi dan teknologi di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.



Lonjakan Gemilang UNIMAS:
Menjulang Nama di Persada Asia

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mencatat satu lagi pencapaian membanggakan apabila berjaya menempatkan diri dalam kelompok 200 universiti terbaik Asia menerusi QS Asia University Rankings 2026, dengan menduduki tangga ke-197.

Kedudukan ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tangga ke-271 pada tahun 2023 dan kelompok 261–270 dua tahun lalu. UNIMAS turut berada di kedudukan ke-56 dalam kalangan universiti di Asia Tenggara dan menduduki tangga ke-12 dalam kalangan universiti awam di Malaysia.

Pencapaian membanggakan ini adalah usaha berterusan UNIMAS untuk meningkatkan kualiti pendidikan, penyelidikan dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Menurut pihak pengurusan universiti, antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan tersebut ialah penambahbaikan nisbah tenaga akademik kepada pelajar serta pertambahan staf akademik yang memiliki kelayakan Ijazah Kedoktoran (PhD).

“Peningkatan ini secara langsung menyumbang kepada ekosistem pembelajaran yang lebih dinamik serta penghasilan penyelidikan berimpak tinggi,” jelas pihak universiti.

Seiring dengan visi *“Community-Driven University for a Sustainable World”*, UNIMAS akan terus memberi tumpuan kepada kecemerlangan akademik, pembangunan penyelidikan dan kerjasama dengan komuniti serta industri.

Melangkah ke hadapan dengan iltizam yang tidak pernah luntur, UNIMAS terus komited membina masa depan sebagai institusi unggul berteraskan penyelidikan—menyatukan keunikan akar umbi serantau dengan daya saing global demi kesejahteraan masyarakat dan kemajuan ilmu sejagat.





Mobile App Challenge 8.0:

Memacu bakat digital dan kecemerlangan AI UNIMAS



Pertandingan *Mobile App Challenge* 8.0 melabuhkan tirainya dengan penganjuran Majlis Peringkat Akhir dan Penutupan Rasmi di Sarawak Skills. Pertandingan yang mengetengahkan inovasi dan kreativiti dalam pembangunan aplikasi digital ini menjadi antara platform penting dalam usaha Sarawak melahirkan bakat muda yang berkemahiran serta bersedia menghadapi perkembangan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI).

Pertandingan anjuran Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FCSIT), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan kerjasama rakan strategik industri dan latihan ini menjadi platform penting kepada mahasiswa untuk mengembangkan idea kreatif serta menghasilkan penyelesaian digital yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.

Pertandingan edisi tahun ini menarik penyertaan seramai 100 peserta daripada 12 institusi pengajian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 projek terbaik berjaya disenarai pendek ke peringkat akhir bagi kategori yang dipertandingkan, iaitu Kategori Produk dan Kategori Idea.

Lebih membanggakan, reputasi pertandingan ini terus melonjak ke peringkat serantau dan antarabangsa, menampilkan pasukan finalis dari pelbagai institusi terkemuka di Malaysia dan Indonesia. Setiap projek dinilai oleh panel juri profesional yang terdiri daripada ahli akademik, wakil industri, dan pemegang taruh dalam ekonomi digital. Penilaian dibuat berdasarkan aspek inovasi, pelaksanaan teknikal, serta kebolehgunaan projek bagi memastikan pemilihan dijalankan secara telus dan menyeluruh.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dekan FCSIT UNIMAS, Profesor Dr. Jane Labadin, menekankan kepentingan pembelajaran berasaskan pengalaman seperti *Mobile App Challenge* dalam mempersiapkan graduan menghadapi perubahan pesat dalam landskap ekonomi digital dan perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI). Menurut beliau, program seumpama ini selaras dengan usaha UNIMAS untuk melahirkan graduan yang memiliki kemahiran relevan dengan keperluan industri serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi pada masa hadapan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Sarawak Skills, Encik Hallman Sabri, turut menyatakan komitmen organisasinya dalam menyokong program latihan berteraskan industri dan teknologi AI. Beliau turut menekankan bahawa kerjasama erat antara pihak akademik, industri, dan kerajaan adalah tunjang utama dalam membina ekosistem digital negeri Sarawak yang berdaya tahan.

Kemuncak majlis menyaksikan pengumuman para pemenang bagi kategori yang dipertandingkan:

- Kategori Produk: Tempat pertama dirangkul oleh pasukan Atlas dari UNIMAS.
- Kategori Idea: Tempat pertama dimenangi oleh pasukan Cupcake Kemas, juga dari UNIMAS.

Selain itu, beberapa anugerah khas turut disampaikan bagi mengiktiraf aspek kreativiti, semangat berpasukan, serta komitmen jitu para peserta sepanjang program berlangsung, sekali gus menyerlahkan elemen pembelajaran holistik yang diterapkan.

Kejayaan penganjuran *Mobile App Challenge* 8.0 ini turut dizahirkan menerusi penghargaan kepada penaja utama, Sarawak Road Asset Management Solutions (SRAMS), serta kerjasama strategik bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). Penglibatan sektor korporat dan agensi kerajaan ini membuktikan betapa pentingnya perkongsian merentas sektor dalam memacu agenda inovasi negara.

Selaras dengan langkah Sarawak mempercepatkan agenda transformasi digitalnya, inisiatif seperti *Mobile App Challenge* akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk generasi inovator masa depan yang dinamik dan berwibawa.

SAKAT 2026: UNIMAS Jadi Tuan Rumah Himpunan Sasterawan Serantau, Bincang Realiti AI dan Kemanusiaan





Pada 21 hingga 22 September lalu, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) 2026. Penganjuran edisi ke-30 oleh Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) ini melakar sejarah tersendiri apabila buat julung-julung kalinya dilangsungkan di Bumi Kenyalang. Berlangsung di Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS), persidangan bertaraf antarabangsa ini menghimpunkan kira-kira 200 ahli akademik, tokoh sastera, budayawan, serta mahasiswa dari empat negara serumpun iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, dan Singapura.

Mengangkat tema yang sarat dengan relevansi zaman, “Mengimbangi Kecerdasan Buatan dengan Kecerdasan Semula Jadi dalam Sastera”, SAKAT 2026 menjadi medan intelek mendalam bagi merenung nasib dan masa depan karya sastera di tengah pesatnya ledakan teknologi. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dato’ Dr. Haji Jeniri Amir, yang turut menyampaikan ucap utama bertajuk “Landskap Kesusasteraan Asia Tenggara: Realiti Empirikal dan Suara Serantau”. Dalam hujah beliau, wujud peringatan mesra bahawa meskipun kecerdasan buatan (AI) berupaya meniru gaya penyair dan merangkai metafora yang memukau, teknologi tersebut kekal kaku tanpa pengalaman, sejarah, perasaan, dan renungan jiwa seorang manusia.

Beliau turut menegaskan bahawa sasterawan pada era AI tidak bersaing dengan mesin dari segi kelajuan menghasilkan tulisan, sebaliknya terus menulis tentang realiti pengalaman manusia. Ini merangkumi usaha mengingati perkara yang mahu dilupakan, mempersoalkan perkara yang diterima tanpa sangsi, serta memberikan suara kepada mereka yang terpinggir. Dalam pada itu, peranan pengarang adalah untuk memastikan identiti serta ingatan Asia Tenggara terus diwariskan melalui pantun, puisi, hikayat, novel, dan bahasa masyarakat kecil. Seperti yang disimpulkan oleh Dato’ Dr. Haji Jeniri Amir, bahasa mungkin boleh dihasilkan oleh mesin, tetapi makna tetap dipertaruhkan oleh manusia, di mana teknologi AI sepatutnya digunakan untuk memperluas suara kemanusiaan, bukannya menggantikannya.

Pandangan mendalam tersebut turut diakui oleh Ketua Pengarah DBP merangkap Pengerusi Mastera Malaysia, Datuk Dr. Hazami Jahari. Dalam ucapan pembukaannya, beliau menyifatkan SAKAT 2026 bukan sekadar wacana ilmu biasa, malah merupakan cermin refleksi terhadap nilai kemanusiaan yang kian terhakis. Beliau menambah bahawa di sebalik kepantasan kemajuan teknologi, dunia hari ini masih diuji dengan krisis kemanusiaan yang ketara seperti yang berlaku di Timur Tengah, sekali gus membuktikan bahawa kemajuan fizikal dan teknologi sering kali kehilangan nilai empati sejati jika tidak dibentengi dengan pertimbangan moral dan persuratan.

Keberhasilan penganjuran SAKAT 2026 ini turut diseri dengan kehadiran Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dr. Ahmad Hata Rasit sebagai Tetamu Kehormat, yang mencerminkan komitmen serta sokongan padu kepimpinan tertinggi universiti terhadap agenda pemerkasaan bahasa dan sastera. Kehadiran barisan kepimpinan utama Mastera serantau—termasuk Yang Mulia Tuan Awang Suip Haji Abdul Wahab (Pemangku Pengarah DBP Brunei Darussalam merangkap Pengerusi Mastera Brunei), YBrs. Dr. Ganjar Harimansyah (Sekretaris Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa merangkap Setiausaha Mastera Indonesia), YBrs. Dr. Pitchay Gani Aziz (Lembaga Pengarah Centre for Research on Islamic and Malay Affairs mewakili Mastera Singapura), serta YBrs. Encik Abang Haliman bin Abang Julai (Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP)—turut memperkukuh lagi hubungan diplomatik kebudayaan antara negara peserta.

Penganjuran dua hari ini secara tidak langsung menegaskan peranan Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi (FPBK) UNIMAS sebagai rakan strategik utama DBP di Borneo dalam memartabatkan bidang bahasa, sastera, dan kebudayaan. Lebih daripada sekadar pengurusan persidangan, UNIMAS kekal sentiasa menghargai jalinan kerjasama erat ini dan komited untuk terus memperkukuhnya demi memastikan khazanah persuratan serantau kekal subur, relevan, dan dihargai oleh generasi mendatang.



Ilmu, akhlak dan erti sebuah kejayaan

> **“Abah pernah pesan kepada saya agar cuba dulu sebelum menganggap sesuatu perkara itu terlalu sukar atau mustahil dilakukan,”**

Dalam kehidupan, kejayaan sering diukur melalui pencapaian akademik, kedudukan dalam kerjaya atau pengiktirafan yang diterima. Namun, di sebalik semua itu, ada perkara yang jauh lebih penting dan tidak boleh diukur melalui segulung ijazah atau pangkat yang disandang. Antaranya ialah kejujuran, disiplin, akhlak dan kesediaan untuk memikul tanggungjawab.

Itulah antara perkara yang ditekankan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar ketika berkongsi pengalaman hidup serta pandangan beliau tentang pendidikan, kepimpinan dan masa depan generasi muda dalam sesi temuramah khas sempena Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-30 baru-baru ini.

Bagi beliau, kepandaian semata-mata tidak menjamin seseorang itu akan menjadi insan yang baik atau pemimpin yang bertanggungjawab.

> **“Ilmu perlu disertai akhlak. Seseorang yang berpendidikan tinggi seharusnya tahu membezakan perkara yang betul dan salah, bercakap benar serta menunaikan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya,” ujar Tun Pehin Sri.**

Mengimbau kembali zaman kecil beliau, Tun Pehin Sri berkongsi pesanan abah beliau yang masih dipegang sehingga kini.

> **“Abah pernah pesan kepada saya agar cuba dulu sebelum menganggap sesuatu perkara itu terlalu sukar atau mustahil dilakukan,” kongsi beliau.**

Sikap tersebut membentuk keyakinan beliau untuk berhadapan dengan cabaran, termasuk apabila perlu meneroka bidang baharu atau menerima tanggungjawab yang belum pernah dipikul.

Namun, keberanian mencuba tidak bermaksud seseorang boleh melakukan apa sahaja demi mencapai kejayaan.

> **“Sebagai seorang Islam, soal halal dan haram merupakan batas yang tidak boleh dikompromi. Justeru, para graduan perlu sentiasa ingat bahawa kegagalan bukan alasan untuk berhenti berusaha. Pada masa yang sama, keinginan untuk berjaya tidak seharusnya menyebabkan seseorang mengetepikan prinsip dan nilai yang menjadi pegangan hidup,” tambahnya lagi.**

Sebagai bekas pegawai polis, Tun Pehin Sri turut berkata disiplin sangat penting untuk sesorang menjalankan tanggungjawab dengan baik. Menurut beliau, seseorang yang diberi tanggungjawab perlu hadir apabila diperlukan, melaksanakan tugas mengikut masa yang ditetapkan dan bersedia menerima akibat daripada keputusan yang dibuat.

> **“Sikap menyalahkan orang lain apabila berlaku kesilapan bukanlah cara yang betul untuk memikul amanah. Sebaliknya, seseorang perlu berani mengakui kelemahan dan mencari jalan untuk memperbaikinya,” tegasnya lagi.**

Beliau turut mengaitkan ketepatan masa dengan soal kepimpinan. Seorang pemimpin yang menghargai masa sebenarnya sedang menunjukkan rasa hormat terhadap orang lain. Perkara ini juga relevan dalam dunia politik dan pentadbiran, apabila setiap keputusan dan tindakan mempunyai kesan terhadap masyarakat.

> **“Nilai ini mungkin kelihatan mudah, tetapi sering menjadi ukuran terhadap sikap seseorang dalam pekerjaan. Hadir tepat pada waktunya, menyiapkan tugasan seperti yang dijanjikan dan tidak mencari alasan apabila melakukan kesilapan merupakan antara amalan yang mencerminkan integriti,” ujarnya lagi.**

Dalam pertemuan itu juga, Tun Pehin Sri turut memberikan pandangan beliau mengenai peranan universiti pada masa hadapan.

> **“Universiti bukan hanya tempat untuk menyampaikan ilmu, tetapi juga mewariskan budaya, membentuk pemikiran dan menyediakan generasi baharu untuk menghadapi perubahan.**

Universiti perlu sentiasa memahami keperluan pembangunan negeri dan berupaya menjangkakan perubahan dalam pasaran pekerjaan. Bidang yang diperlukan pada hari ini mungkin tidak lagi mempunyai permintaan yang sama dalam tempoh sepuluh atau dua puluh tahun akan datang," jelasnya.

Tun Pehin Sri percaya universiti sepatutnya berada di hadapan dalam mengenal pasti arah perubahan, bukannya hanya menunggu kerajaan menentukan keperluan tenaga kerja.

Beliau berkata sebagai institusi yang menjalankan penyelidikan dan melahirkan golongan berilmu, universiti mempunyai kemampuan untuk memberi pandangan, mencadangkan penyelesaian dan membantu merancang pembangunan negeri berdasarkan pengetahuan serta bukti penyelidikan.

Justeru, beliau percaya kemahiran pengurusan amat penting bagi melahirkan graduan yang memiliki kepakaran yang tinggi dalam pelbagai bidang, tetapi tanpa kemahiran mengurus, potensi kepakaran tersebut mungkin tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Pendedahan kepada kemahiran pengurusan perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah serta penyertaan mahasiswa dalam aktiviti-aktiviti di peringkat fakulti dan universiti.

"Seorang doktor, misalnya, bukan sahaja perlu memahami ilmu perubatan. Dalam menjalankan tugas, doktor juga berhadapan dengan keperluan mengurus masa, sumber, kakitangan dan perkhidmatan kepada pesakit," tambahnya lagi.

Bagi Tun Pehin Sri, ilmu tidak seharusnya dipisahkan secara terlalu sempit mengikut bidang pengajian. Graduan perlu mempunyai pengetahuan yang lebih luas supaya mereka mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai bentuk tanggungjawab apabila mereka mula memasuki alam pekerjaan nanti.

Dalam dunia pendidikan tinggi yang semakin kompetitif, kedudukan universiti dalam penarafan antarabangsa turut menjadi perhatian Tun Pehin Sri.

Beliau melihat penarafan dunia sebagai salah satu cara untuk membina nama, imej dan pengiktirafan sesebuah universiti. Kedudukan yang baik boleh meningkatkan keyakinan pihak luar terhadap keupayaan institusi, termasuk dalam penyelidikan dan kerjasama akademik.

Walau bagaimanapun, usaha meningkatkan kedudukan universiti perlu disokong oleh kualiti kerja akademik yang berterusan. Dalam konteks ini, beliau menggalakkan ahli akademik untuk aktif menulis dan menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal yang bersesuaian dengan bidang kepakaran masing-masing.

"Penulisan akademik bukan sekadar memenuhi tuntutan kerjaya. Ia merupakan satu cara untuk berkongsi pengetahuan, memperkenalkan hasil penyelidikan dan menyumbang kepada perkembangan ilmu," ujarnya.

Sempena Konvokesyen Ke-30 UNIMAS, perkongsian TYT Tun Pehin Sri membawa satu peringatan yang wajar direnungkan oleh setiap graduan.

Kepandaian membuka peluang, tetapi akhlak menentukan bagaimana peluang itu digunakan. Disiplin membantu seseorang melaksanakan amanah, manakala keberanian mencuba membolehkan seseorang melangkah lebih jauh daripada apa yang pernah dibayangkan.



Kejayaan gemilang warga **UNIMAS** *di peringkat* **kebangsaan dan antarabangsa**



Musim konvokesyen merupakan detik bermakna yang merakamkan pelbagai cerita kejayaan, keringat, dan air mata kejayaan. Namun, kegembiraan ini bukan sekadar meraikan kejayaan menamatkan pengajian, tetapi turut menjadi kesempatan untuk menghargai pencapaian warga universiti yang telah mengharumkan nama UNIMAS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Tahun ini, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sekali lagi melakar lembaran sejarah emas. Kejayaan berganda menerusi pencapaian luar biasa dua mahasiswanya di arena nasional serta pengiktirafan global yang diraih oleh seorang pensyarahnya membuktikan bahawa DNA kecemerlangan UNIMAS kini berdiri gah, sebaris dengan universiti terkemuka dunia.

Mengharumkan nama di Persada Kebangsaan: Tinta Sejarah di Putrajaya

Di pentas berprestij **Majlis Anugerah Tokoh Siswa Negara (ATSN) 2026** yang berlangsung di Putrajaya baru-baru ini, nama UNIMAS bergema megah. Apa yang lebih membanggakan, edisi kali ini melakar sejarah tersendiri apabila menjadi pencapaian sulung buat UNIMAS dalam penganjuran berprestij di peringkat kebangsaan tersebut.

Ketokohan kepimpinan dan keunggulan minda mahasiswa universiti ini mendapat pengiktirafan tertinggi yang disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dua figura mahasiswa ini menjadi lambang ketrampilan generasi muda UNIMAS:

- Muhammad Faiz Farhan Yusnizam dari Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Menteri Pendidikan Tinggi, satu manifestasi kepimpinan berwibawa dan sumbangan luar biasa yang diiktiraf di peringkat tertinggi negara.

- Avinash a/l Loganathan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat pula diangkat sebagai penerima Anugerah Tokoh Daya Usaha Inovasi Siswa, membuktikan kebolehan anak tempatan meneroka sempadan inovasi dan teknologi dengan minda yang tajam serta berjiwa pembangun.

Kejayaan ini membuktikan bahawa mahasiswa di Bumi Kenyalang memiliki daya saing dan kemampuan kepimpinan yang tinggi serta mampu bersaing setanding dengan mahasiswa terbaik dari seluruh negara.

Seni yang Berbicara: Menjulang Kreativiti Sarawak ke Arena Global

Kehebatan warga UNIMAS tidak berhenti di sempadan tanah air sahaja. Di arena antarabangsa, dunia seni visual tempatan turut mencatatkan satu lagi kejayaan gemilang menerusi warga akademiknya.

Dr. Mohamad Faizuan Mat dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) telah diumumkan sebagai penerima anugerah berprestij *Highly Commended* di *International Academy Awards* bagi kategori *Use of Art in Public and Private Spaces*. Pengiktirafan antarabangsa anjuran *International Academy for Design and Health, Sweden* ini diraih menerusi karya bernas beliau, *The Bin Art Project, Kuching, Sarawak*.

Kejayaan yang diraikan sempena *15th Design & Health World Congress & Exhibition 2026* di Kuching ini bukan sekadar sebuah trofi penghargaan. Lebih dari itu, ia adalah manifestasi bagaimana seni mampu berfungsi sebagai agen perubahan sosial dan kesejahteraan komuniti, sekaligus meletakkan nama FSGK, UNIMAS, dan komuniti kreatif Sarawak di peta seni global.

Simbolik Sebuah Ekosistem Holistik

Kejayaan berganda ini merupakan satu kebanggaan kepada seluruh warga UNIMAS, khususnya pihak pengurusan universiti. Pencapaian ini bukan sahaja memberi pengiktirafan kepada individu yang terlibat, malah mencerminkan keberkesanan ekosistem pendidikan UNIMAS dalam menyokong pembangunan bakat dan potensi warganya.

UNIMAS terus membuktikan peranannya bukan sahaja sebagai institusi yang menyediakan pendidikan dan ilmu pengetahuan, tetapi juga sebagai tempat untuk membentuk modal insan seimbang. Ini termasuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik, berwibawa dalam kepimpinan, kreatif dalam seni, serta berdaya tahan tinggi untuk mencorakkan masa depan masyarakat dan negara.

Semoga kejayaan cemerlang Muhammad Faiz Farhan, Avinash, dan Dr. Mohamad Faizuan ini menjadi inspirasi kepada seluruh seluruh warga kampus untuk terus berusaha, mengembangkan potensi diri dan mencipta lebih banyak kejayaan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.



UNIMAS Menerajui Gerakan Kelestarian di Pentas Dunia



Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima pengiktirafan antarabangsa apabila dilantik sebagai **Naib Pengerusi *Outreach and Partnership*** bagi **Hab Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 15: Kehidupan Daratan** di bawah Inisiatif *United Nations Academic Impact* (UNAI).

Pelantikan berprestij ini dibuat selepas UNIMAS mengharungi proses pemilihan di peringkat global yang melibatkan lebih 330 permohonan daripada institusi pengajian tinggi seluruh dunia.

Bagi tempoh Disember 2025 hingga Disember 2027, UNIMAS akan memainkan peranan strategik dalam memperkasa pelaksanaan Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari. Tanggungjawab ini digalas dengan menerajui inisiatif jangkauan luar dan perkongsian strategik (*Outreach and Partnership*) di bawah SDG 15 (UNAI Hub).

Kejayaan ini meletakkan UNIMAS sebaris dalam rangkaian global berprestij yang merangkumi lebih 1,700 universiti dan kolej di lebih 150 negara.

Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato Dr. Ahmad Hata Rasit, menyifatkan pelantikan tersebut sebagai satu pengiktirafan terhadap komitmen universiti dalam memperjuangkan pembangunan lestari melalui penyelidikan dan kerjasama strategik.

"UNIMAS amat berbesar hati atas pengiktirafan global ini. Ia mengukuhkan aspirasi kita untuk menjadi sebuah *Community-Driven University for a Sustainable World,* menerusi kolaborasi strategik," katanya.

Beliau turut menambah bahawa pelantikan ini selari dengan komitmen berterusan universiti dalam inisiatif alam sekitar, pelaporan kelestarian yang teliti, program hijau kampus, serta usaha memelihara iklim. Ia membuka lembaran baharu buat warga UNIMAS dalam merintis kerjasama merentas sektor demi memastikan kelangsungan hidup flora dan fauna di daratan terus terpelihara untuk generasi masa depan.

Pihak UNAI memilih UNIMAS atas dasar dedikasi universiti ini dalam memperjuangkan prinsip SDG 15 menerusi penyelidikan inovatif serta libat urus komuniti yang berkesan. UNIMAS turut dipuji atas keupayaannya memupuk kerjasama erat ke arah masa depan yang lebih seimbang dan mampan.

Hab SDG UNAI terdiri daripada institusi pengajian tinggi terpilih yang aktif mempromosikan matlamat pembangunan lestari dengan memanfaatkan peranan dunia akademik. Setiap hab dipertanggungjawabkan untuk memfokuskan kepada SDG tertentu—memacu penyelidikan, pendidikan, dan kolaborasi global—sambil menghayati kesalinghubungan yang erat antara kesemua 17 matlamat SDG.

Merintis perubahan, memacu kesejahteraan: jalinan sinergi UNIMAS dan Kampung Semera



Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya melaksanakan 20 projek pembangunan komuniti di Kampung Semera menerusi Program Kampung Angkat MADANI 2025. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan universiti untuk menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Majlis penutupan rasmi program tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak, Datuk Aidel Lariwoo, baru-baru ini.

Program yang dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM1.1 juta daripada Kementerian Kewangan ini memberi manfaat kepada penduduk Kampung Semera dan kawasan sekitarnya. Pelaksanaannya meliputi pelbagai aspek kesejahteraan rakyat termasuk bidang pendidikan dan literasi, penaiktarafan infrastruktur komuniti, sistem penuaian air hujan, kemudahan tenaga solar, serta peningkatan pengupayaan pengurusan masjid. Program ini turut memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran belia, keselamatan siber, kesihatan komuniti, serta pemerkasaan ekonomi tempatan.

Antara projek mercu tanda yang berjaya direalisasikan termasuklah menaik taraf perpustakaan komuniti, pemasangan sistem penuaian air hujan di Kampung Semera dan Kampung Semera Hilir, pembinaan kemudahan limbungan (*dockyard*), penaiktarafan jeti nelayan, pemasangan sistem pencahayaan solar, program pengupayaan pengurusan masjid, inisiatif keselamatan siber komuniti, serta pelbagai program latihan kemahiran untuk golongan belia.

Datuk Aidel yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sadong Jaya dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UNIMAS atas komitmen konsisten mereka dalam memacu pembangunan wilayah Sadong Jaya menerusi pendekatan berpaksikan ilmu dan pemindahan kepakaran universiti.

“Program Kampung Angkat MADANI ini membuktikan bahawa sinergi strategik antara institusi pengajian tinggi, kerajaan, dan akar umbi mampu menjana impak ketara serta membawa manfaat jangka panjang yang mampan kepada rakyat,” ujar beliau.

Sementara itu, Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dr. Ahmad Hata Rasit, menegaskan bahawa program ini menterjemahkan falsafah universiti yang melangkaui dinding kuliah dan makmal penyelidikan semata-mata, sebaliknya berdiri teguh sebagai agen transformasi sosial yang menyumbang secara langsung kepada pembangunan masyarakat.

Menurut beliau, kesemua 20 projek tersebut dirancang berdasarkan keperluan sebenar penduduk yang dikenal pasti melalui beberapa siri perbincangan bersama komuniti setempat dan pemimpin masyarakat. Pendekatan ini bertujuan memastikan setiap projek yang dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan penduduk, dapat dimanfaatkan secara praktikal serta memberi kesan positif kepada kesejahteraan komuniti.

Sebagai anak jati Kampung Semera, Profesor Dr. Ahmad Hata turut melahirkan rasa terharu dan bangga dengan kejayaan pelaksanaan program tersebut di kampung halamannya. Beliau menekankan bahawa pembangunan yang berkesan bermula dengan kesediaan untuk mendengar keperluan penduduk, manakala kelestariannya bergantung kepada penglibatan dan komitmen komuniti dalam menjaga serta meneruskan manfaat yang telah diwujudkan.


Tambah beliau lagi, kejayaan program ini turut selari dengan Hala Tuju Strategik UNIMAS 2030, khususnya dalam usaha membina rangkaian ekosistem bersama secara kreatif (*co-creative ecosystems*) demi kelestarian sejagat. Inisiatif ini bertindak sebagai platform penghubung antara kepakaran universiti, agensi kerajaan, sektor industri, dan komuniti setempat dalam merangka solusi jangka panjang yang berkesan.

Kejayaan program ini turut dicorakkan oleh semangat kerja berpasukan yang utuh menerusi penglibatan pelbagai fakulti dan pusat tanggungjawab UNIMAS, dengan sokongan padu daripada Pejabat Residen Bahagian Samarahan, Pejabat Daerah Asajaya, Pejabat Daerah Kecil Sadong Jaya, ADTEC Samarahan, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), serta pelbagai agensi tempatan dan komuniti setempat.

Pelan Strategik

UNIMAS 2026–2030

Memacu Graduan Sebagai NextGen Changemakers



Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bukan sekadar pentas meraikan kejayaan akademik para graduan, malah turut mencerminkan komitmen universiti dalam memperkukuh hala tuju pembangunan institusi menerusi Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030 yang bertemakan "IDEAting Borneo Futures".

Pelan ini menjadi panduan kepada UNIMAS dalam menghadapi perubahan global, khususnya perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI), perubahan iklim dan keperluan pasaran pekerjaan yang semakin mencabar.

Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030 ini merupakan komitmen universiti untuk terus memperkukuh peranan dan sumbangannya di Sarawak, di peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Pelan ini dirangka berlandaskan visi dan misi yang telah dimurnikan sebagai panduan hala tuju seluruh warga UNIMAS, di samping berpaksikan lima Nilai Teras yang menjadi asas kepada pelaksanaannya.

Rangka kerja operasinya dijana melalui **Rangka Kerja IDEA** yang merangkumi empat tonggak utama:

- *Inspiring People* – Memperkasakan warga dan komuniti untuk mengkaji dan mencipta ilmu secara bersama demi menghasilkan impak yang bermakna.
- *Driving Innovation* – Memupuk budaya inovasi dengan membolehkan idea bergerak merentasi disiplin, sistem dan rakan industri secara pantas dan bertanggungjawab.
- *Enhancing Global Influence* – Mengangkat kearifan dan kekuatan tempatan yang berakar di Borneo ke dalam jaringan rakan global yang dipercayai.
- *Advancing Sustainability* – Mengamalkan pilihan harian yang mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan memajukan kemampanan dalam kehidupan kampus.

Rangka Kerja IDEA diterjemahkan secara praktikal melalui tujuh Keutamaan Strategik, yang dibahagikan kepada tiga Teras Utama *(Cores)* dan empat Pemboleh Daya *(Enablers),* serta diukur menerusi 42 Petunjuk Keberhasilan Utama *(Key Results)*.

Tiga Teras Utama *(Cores)*

- Keutamaan Strategik 1: *Life-Wide Transformative Education* – Menyediakan pendidikan transformatif yang merangkumi tawaran kursus fleksibel, micro-credentials, pengiktirafan yang lebih tinggi terhadap pengajaran, mobiliti pelajar, serta sasaran kedudukan 500 teratas dalam THE dan *QS World University Rankings.*
- Keutamaan Strategik 2: *Future-Ready NextGen Graduates* – Melahirkan graduan yang bersedia menghadapi masa depan, berkualiti, berdaya saing, berjiwa keusahawanan, serta mempunyai tahap kebolehpasaran dan kesejahteraan yang tinggi.
- Keutamaan Strategik 3: *Boosting Responsible RDICE Advancement* – Memacu kemajuan Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE) secara bertanggungjawab melalui penubuhan *Global Future Transdisciplinary Institute (GFTI),* penyertaan dalam kerjasama penyelidikan, dan pemerolehan paten deep-tech.

Empat Pemboleh Daya (Enablers)

- Keutamaan Strategik 4: *Talent Management, Governance & Efficient Service Delivery* – Mengukuhkan pengurusan bakat, perancangan penggantian kepimpinan, pusat tadbir urus sehenti, serta pendigitalan arkib dan rekod rasmi universiti.

- Keutamaan Strategik 5: *Sustainable Growth-Driven Financial Performance* – Memantapkan kewangan universiti melalui kepelbagaian sumber pendapatan, pengurusan dana endowmen dan wakaf, serta pengekalan nisbah pendapatan berbanding perbelanjaan yang positif.

- Keutamaan Strategik 6: *Network of Co-Creative Ecosystems for Sustainability* – Membina ekosistem kerjasama antara akademia, industri dan komuniti (AIC), projek bernilai ESG bersama rakan ASEAN+3, serta merealisasikan sasaran Kampus Rendah Karbon 2030.

- Keutamaan Strategik 7*: Smart, Green & Inclusive Campus* – Mewujudkan kampus *FutureGen* yang pintar, hijau, selamat dan inklusif, berteraskan automasi proses kerja berasaskan AI.

Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030 meletakkan pembangunan modal insan dan kejayaan graduan sebagai keutamaan tertinggi. Menerusi Keutamaan Strategik 2, universiti memberi tumpuan khusus untuk melahirkan graduan dan alumni yang bukan sahaja bersedia memenuhi keperluan industri, malah mampu bertindak sebagai agen perubahan sosioekonomi atau *NextGen Changemakers.*

Kaitan pelan ini dengan para graduan dapat dilihat melalui empat aspek penting:

- Kebolehpasaran dan daya saing (GE & GM) – Kurikulum dijajarkan rapat dengan keperluan industri moden supaya graduan mudah diambil bekerja dan bersedia menghadapi persekitaran kerja yang dinamik.

- Pemupukan bakat keusahawanan moden – Sokongan inkubasi dan pendidikan keusahawanan diterapkan bagi melahirkan pengasas dan pengasas bersama syarikat permulaan *(start-up)* dalam kalangan graduan.

- Pembangunan kesejahteraan dan nilai kemanusiaan – UNIMAS mengimbangi kecemerlangan akademik dengan nilai kemanusiaan, kesejahteraan emosi dan pertumbuhan sosial yang mampan.

- Jaringan alumni antarabangsa – Penubuhan Pusat Alumni dengan sasaran 20 *chapter* di 20 buah negara memastikan graduan sentiasa terhubung dengan rangkaian profesional universiti di seluruh dunia, walaupun selepas tamat pengajian.

Setiap graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen ini, adalah manifestasi dan bukti aspirasi "IDEAting Borneo Futures". Setiap ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperoleh sepanjang berada di bumi UNIMAS menjadi bekalan berharga mereka melangkah keluar sebagai pemimpin yang berwawasan, berkualiti dan berani mencorak masa depan.



VISION - A Leading Global University for Sustainable Future

MISSION - To enhance the social and economic impacts on the global community through the pursuit of excellence in teaching, research, and strategic engagement

CORE VALUES - Exemplary | Collegiality | Integrity | Tenacity | Equity

I Inspiring People | D Driving Innovation | E Enhancing Global Influence | A Advancing Sustainability

STRATEGIC PRIORITY 1	STRATEGIC PRIORITY 2	STRATEGIC PRIORITY 3	STRATEGIC PRIORITY 4	STRATEGIC PRIORITY 5	STRATEGIC PRIORITY 6	STRATEGIC PRIORITY 7
Life-Wide Transformative Education	**Future-Ready NextGen of Graduates & Alumni**	**Boosting Responsible RDICE Advancement**	**Talent Management, Governance & Efficient Service Delivery**	**Sustainable Growth-driven Financial Performance**	**Network of Co-Creative Ecosystems for Sustainability**	**Smart, Green & Inclusive Campus**
1. New Multi-Disciplinary Niche Areas 2. Revenue-Generating Micro-Credential & Flexible Learning Courses 3. Teaching & Learning Recognition 4. Educators with International Teaching & Learning Experience 5. Student Mobility 6. New International MoAs (Academic & Research) 7. International Academic Accreditations 8. Academic Quality Certification 9. Top 500 THE WUR & QS WUR	10. Graduate Employability & Marketability (GE & GM) 11. Early-Stage Start-ups (Founders / Co-Founders) 12. NextGen Changemakers 13. Student Satisfaction Index 14. Student Well-Being Index 15. Alumni Centre (20 Chapters, 20 Countries)	16. Global Futures Transdisciplinary Institute (GFTI) 17. Research Components Score (THE & QS) 18. Staff as Reference & Focal Academic Experts 19. Researcher Satisfaction Index (RSI) 20. Y-O-Y Increase in Research Commercialization, Grants & Consultancies 21. Research Joint Ventures (RJVs) 22. Deep-Tech Patents	23. Academic Staff with PhD / Equivalent 24. Staff with Professional Qualifications 25. Succession Planning for Key Posts 26. Career Path Ratio (Vertical–Lateral) 27. Staff 360° International Recognition 28. Staff Well-Being Index 29. Up-to-date Policies under One-Stop Governance Center 30. Violations & Non-Compliance Incidents 31. Digitalisation of Records & Archives	32. Total Revenue Generated 33. Endowment & Waqf Received 34. Income-Over-Expenditure Ratio	35. High-Impact AIC Consortium Projects 36. Student-Led AIC Consortium Projects 37. Low-Carbon Campus 2030 Achievement Rate 38. ESG Value-Based Projects with ASEAN + 3 Partners	39. User Satisfaction Score (USAT) 40. AI-Driven Work-Process Automation 41. FutureGEN Green-Smart-Safe Campus 42. Inclusive Campus Experience (Diversify, Equity, Inclusion)

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

JUMLAH GRADUAN
MAJLIS KONVOKESYEN UNIMAS KE-30
TAHUN 2026

2 - 5 November 2026
DeTAR PUTRA, Universiti Malaysia Sarawak



2 November 2026 (Isnin)

	Jumlah
• Ijazah Kedoktoran	173
	173
• Sarjana	492
• Diploma Pascasiswazah	33
• Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian	33
• Sarjana Muda Sains Agroteknologi dengan kepujian	19
	577

3 November 2026 (Selasa)

• Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	215
• Fakulti Sains dan Teknologi Sumber	352
	567
• Fakulti Kejuruteraan	306
• Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	365
	671

4 November 2026 (Rabu)

• Fakulti Ekonomi dan Perniagaan	656
	656
• Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	501
• Fakulti Alam Bina	81
	582

5 November 2026 (Khamis)

• Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif	310
• Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi	303
	613
• Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	
	589
JUMLAH KESELURUHAN	**4428**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak,
Malaysia
082-581 000